

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 23 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kementerian Kesihatan melalui kontraktor-kontraktor dalam tahun 2015 dan 2016. Apakah mekanisme yang wujud untuk memastikan rakyat dapat nilai yang berpatutan pada harga yang dibayar.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah nilai bekalan dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kementerian Kesihatan melalui kontraktor-kontraktor dalam tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:

	2015 (RM)	2016 (RM)
Perolehan Bekalan & Perkhidmatan	2.4 billion	2.9 billion

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang optimum.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 23.3.2017 (KHAMIS)

SOALAN : 17

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan menaik taraf jalan-jalan bermasalah di luar bandar seperti Jalan Kampung Rundum, Kampung Korolok dan Kampung Kapulu yang mana digunakan oleh penduduk dan juga pendidik untuk bertugas.

JAWAPAN :

Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan Naiktaraf Jalan Kampung Kapulu tidak tersenarai di dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri yang telah diterima oleh Kementerian. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan Jalan Kemabong-Rundum (Fasa 2) dan Kampung Korolok, Tenom telah disenaraikan dalam permohonan pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar di bawah RMKe-11, RP3 Tahun 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.